

## NOTICE / NOTIS

### CHANGE OF NAME / *PENUKARAN NAMA*

Please be informed that we have changed our Company name to **Sun Life Malaysia Takaful Berhad** with effect from 19 August 2013.

*Sila maklum bahawa kami telah menukar nama Syarikat kami ke **Sun Life Malaysia Takaful Berhad** berkuatkuasa 19 Ogos 2013.*

**CIMB AVIVA**

**CIMB AVIVA TAKAFUL BERHAD**

**TAKAFUL CONTRACT**

**PA Direct**

## CONTENTS

<u>Number</u>	<u>Title</u>	<u>Page</u>
1	Introduction	2
2	Definitions	3
3	Terms of this takaful contract	4
4	General exceptions	6
5	General conditions	7
6	Table of benefits for permanent disablement	9
7	Important notice to contract holder	11

## **Introduction**

### **The objectives**

This takaful contract aims to provide takaful cover in line with the principles below and is dealt in line with the terms of this contract.

### **The basic principles**

We have organised this contract in the following way:

- First : we shall be the first party and you shall be the second party to this contract;
- Second : we shall also be deemed to be the custodian entrusted to manage this takaful contract in conformity with shariah;
- Third : we shall collect contributions for the purposes of managing this takaful contract; and
- Fourth : you shall be deemed to have consented to the collection of the contributions by us for the purposes of managing this takaful plan in accordance with the terms of this contract.

You have made a proposal and declaration which will form the basis of this contract and have paid the contribution shown in the schedule of takaful contract in return for the takaful cover we provide.

## **Definitions**

The words or phrases below have the following meanings wherever they appear in this contract.

### **Accidental bodily injury**

A bodily injury caused only and directly by violent, accidental, external ways which can be seen and the injury proves to be the only cause of the person covered's death or disablement. This includes accidental causes such as:

- food poisoning, harmful insects and snake bites
- gas inhalation, drowning and similar misfortunes

### **Doctor**

A legally qualified registered medical practitioner who is not a person covered or anyone related to you.

### **Partial disablement**

A partial disability due to accidental bodily injury which, within twenty (20) days of accident date, totally and continuously prevents the person covered from carrying out some part of his normal business, profession or occupation.

### **Person covered, his**

The person (or people) detailed on your schedule of takaful contract.

### **Total disablement**

A total disability due to accidental bodily injury which, within twenty (20) days of accident date, totally and continuously prevents the person covered from carrying out any part of his normal business, profession or occupation.

### **We, us, our, CIMB Aviva**

CIMB Aviva Takaful Berhad (unless otherwise shown for any section in this contract).

### **You, your, contract holder**

The person named on the schedule of takaful contract.

## **Terms of this takaful contract**

### **Important information**

This is your PA Direct takaful contract. This contract and your schedule of takaful contract form the contract of takaful and will give you full details of what is covered, what is not covered and the conditions of cover. Please read them carefully and keep them in a safe place. If we have defined a word or expression, it will have the same meaning throughout unless we add an endorsement to this.

Legally we will not accept the transfer of this takaful contract unless the transfer is registered with us. We do not have any responsibility on the validity of the transfer if you decide to transfer this takaful contract.

If at any time during the period of takaful shown in the schedule of takaful contract, or during any further period for which we may accept payment of contributions to renew this contract, the person covered suffers an accidental bodily injury, we will pay the benefit shown in the schedule of takaful contract, provided that:

### **Funeral cash benefit**

- In addition to accidental death benefit, we will pay the funeral cash benefit amount in a lump sum if the person covered dies as a result of an accident.

### **Repatriation cash benefit due to accident**

- In addition to accidental death benefit, we will pay the repatriation cash benefit amount in a lump sum for transportation of the person covered's remains if the person covered dies as a result of an accident whilst outside the normal place of domicile or residence.

### **Total disablement benefit**

- The temporary total disablement benefit amount we will pay each week will not exceed 80% of the person covered's average weekly earnings. However, this will reduce the accidental death and disablement benefit.

### **Partial disablement benefit**

- The temporary partial disablement benefit amount we will pay each week will be 40% of the temporary total disablement benefit we would pay. However, this will reduce the accidental death and disablement benefit.

### **Temporary benefit period**

- The most we will pay benefit under temporary total disablement and temporary partial disablement either separately or together will be 104 weeks for any one injury. This is worked out from the date the person covered was first examined by a doctor.

### **Table of benefits for disablement**

- The amount we will pay for disablement will be as shown in the table of benefits for disablement.

### **Accidental medical expenses**

- We will only pay the accidental medical expense amount if the person covered receives medical or surgical treatment from a doctor within two years after the date of accident. This applies as long as the first expense is charged within 26 weeks after the date of accident. However, this will reduce the accidental death and disablement benefit.

**Traditional medicine cash benefit due to accident**

- We will only pay up to the limits detailed in your schedule of takaful contract for treatment and traditional treatment by a chiropractor, chinese physician or traditional health practitioner who is officially certified and registered. However, this will reduce the accidental death and disablement benefit.

**Disappearance**

- If the person covered disappears and his body is not found within one year after his disappearance, and we are satisfied that the evidence leads to the conclusion that he sustained accidental bodily injury and that such injury caused his death, we will pay the death benefit shown in the schedule of takaful contract provided that the person(s) to whom such sum is paid shall sign an undertaking to refund such sum to us if the person covered is subsequently found to be living.

## **General exceptions**

We do not cover any loss or injury directly or indirectly caused by the following:

1. War, riot, revolution or any similar event. The act of any person acting on behalf of or in connection with any organisation with activities aimed at overthrowing any government or influencing it by using terrorism or violence. This includes any action taken to control or prevent (or in any way relating to) any act of terrorism or violence.
2. Direct or active participation in strike, riot and civil commotion.
3. Insanity, suicide (while sane or insane) or any attempt suicide.
4. Nuclear weapons material, ionising materials or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from burning nuclear fuel (including nuclear fission).
5. The person covered being in, on, or getting into or off of any aircraft other than a fully licensed passenger carrying aircraft in which the person covered is travelling as a passenger other than as a member of the crew and not for the purpose of carrying out any trade or technical operation.
6. Pregnancy, childbirth, miscarriage, abortion or pre-existing physical problem or condition.
7. Disease due to parasites; infection (except pyogenic infection which happens through an accidental cut or wound) or any other kind of disease.
8. While on duty or service in any of the armed forces or armed uniform groups.
9. While taking part in or practising for leisure or sports activities that are not listed.
10. The person covered being affected or influenced (temporarily or otherwise) by alcohol or drugs.
11. While committing or trying to commit any criminal act.
12. A hernia of any kind.

## **Leisure and sports activities**

Please note that your contract automatically covers the person covered for all the following activities if he takes part in them on a recreational basis and not for racing of any kind, speed or duration testing, or as a professional.

Archery (under supervision), badminton, beach cricket, football and volleyball, bowls, canoeing, kayaking and rafting (grades 1 & 2 only), clay-pigeon shooting (under supervision), curling, cycling (no bicycle motor cross, mountain biking or racing), fencing (protective gear must be worn), fishing (no deep sea fishing), golf, horse riding/hacking (no hunting, jumping or polo), hot air ballooning (passenger only and organised through a tour operator), mountaineering which does not need ropes or guides, parascending (over water), pony trekking, racquetball, roller blading or skating (protective gear must be worn), rounders, rowing (inland waters only), safari (camera only and organised through a tour operator), snorkelling, squash, swimming, table tennis, tennis, trampolining, tug of war, water polo.



## General conditions

These apply to the whole contract.

### Duty to comply

- You must keep to all conditions of the takaful contract or we will not pay any claim.

### Rights to amend contract or cover

- No agent will have the authority to change this takaful contract or to decide not to enforce any conditions in it unless approved by one of our authorised representatives and we have added an endorsement to the contract.
- If the person covered is injured after having changed his occupation to one we have classified in our classification of risks and contribution rates as more dangerous than that shown in the schedule of takaful contract, or while he is doing anything relating to an occupation classified in this way, except ordinary duties about his residence or while engaged in recreation, we will only pay part of the sum covered which relates to your contribution payment, but within our limits, for the more dangerous occupation.
- You will not need the permission of your beneficiary to cash in or transfer this contract, or to change the beneficiary, or to any other changes in the takaful contract unless the beneficiary has permanent rights under the application.

### Fraud or misrepresentation

- All answers in the declarations which form the basis of the takaful contract must have been answered truthfully. If any answers were not true or if you fail to give us any significant information about the health habits or occupation of the person covered or fail to tell us about an accident which may give rise to a claim, the contract will end.

### Payment of contributions

- If you fail to pay an agreed contribution for this takaful contract, we may agree to reinstate the contract, but only to cover loss resulting from an accidental injury suffered after this time.

### Claims

- You must give us written notice of the injury on which the claim may be based within 20 days after the date of the accident causing the injury. If we do not receive notice within the time we have given, it will not affect any claim as long as you can show it was not reasonably possible to give notice and that you did give notice as soon as was reasonably possible. If you die as a result of an accident, your representatives must give us notice immediately.
- When we receive your notice, we will send you or your representatives the relevant forms to guide you to file proof of loss. If we do not provide these forms to you within 30 days, you must give us written proof of the loss event, its nature and extent of loss within the time fixed as follows:

Loss of time due to total disablement or partial disablement	within 90 days after the end of the period for which we will pay cover
Other loss	within 90 days after the date of the loss

- We can examine the person covered as often as we may reasonably need during the claim. We also have the right to carry out an autopsy if person covered dies, as long as this is not prevented by law.

- We will pay all benefits in this contract for loss, other than that of time because of a disability, as soon as we receive proof.
- We will pay all benefits to you, or if you die to your legal personal representatives, or such proper claimant(s) as shown in the schedule of takaful contract.
- If you show us proof of the loss of time because of a disability, we will pay the benefit at the end of every four weeks while we are responsible to pay for the claim. If we still owe any benefits at the end of the period, we will pay this immediately as soon as we receive proof.
- You cannot take legal action in relation to this takaful contract until 60 days have passed after giving us proof of the loss. You must do this within two years of the time limit we give for providing proof.

### **Cancellation**

- We may cancel this takaful contract at any time by giving you notice by registered letter to your last known address as shown in our records. You will then be entitled to receive part of your contribution which applies to the period of takaful which has not passed. If we cancel the contract, it will not affect any claim which arose before the cancellation. You may also cancel the contract by giving us notice, but we will keep the part of your contribution for the time the contract has been in force.
- If at any time the person covered change his occupation to one we classify as less dangerous, you can ask to cash in the takaful contract and we will return any contribution not yet used.

### **Renewal**

- You can renew this contract each term, as long as you have our permission. We will give you a renewal contract and you will have to pay the contribution due for the renewal.

### **Surplus Sharing**

- If at the end of the period of takaful shown in the schedule of takaful contract there is a surplus in the general takaful fund, you are entitled to a share of fifty percent (50%) of the surplus allocated for distribution. However, you must not have made a claim or received any benefits under this contract.

## Table of benefits for disablement

Benefits		A percentage (%) of the disablement benefit amount as shown in the schedule of takaful contract
Total and permanent loss of two limbs		100%
Total and permanent loss of limb		50%
Total and permanent loss of both hands or of all fingers and both thumbs		100%
Total and permanent loss of sight of both eyes		100%
Total and permanent loss of sight of one eye		100%
Total and permanent loss of hearing and speech		100%
Total paralysis		100%
Injuries resulting in being permanently bedridden		100%
Any other injury causing permanent total disablement		100%
Total and permanent loss of four fingers and thumb of	- right hand - left hand	70% 50%
Total and permanent loss of four fingers		40%
Total and permanent loss of one thumb	- both right phalanges - one right phalanx - both left phalanges - one left phalanx	30% 15% 25% 10%
Total and permanent loss of index finger	- three phalanges - two phalanges - one phalanx	10% 8% 5%
Total and permanent loss of middle finger	- three right phalanges - two right phalanges - one right phalanx - three left phalanges - two left phalanges - one left phalanx	10% 7.5% 5% 7.5% 5% 2%
Total and permanent loss of ring finger	- three right phalanges - two right phalanges - one right phalanx - three left phalanges - two left phalanges - one left phalanx	10% 7.5% 5% 7.5% 5% 2%
Total and permanent loss of little finger	- three right phalanges - two right phalanges - one right phalanx - three left phalanges - two left phalanges - one left phalanx	10% 7.5% 5% 7.5% 5% 2%

Total and permanent loss of metacarpals	- first or second (additional) - third, fourth or fifth (additional)	3% 2%
Total and permanent loss of toes	- all - great, both phalanges - great, one phalanx - other than great, if more than one toe lost, each	15% 5% 3% 1%
Total and permanent loss of hearing that renders the person covered without the capacity for hearing beyond remedy by surgical or other treatment	- both ears - one ear	75% 15%
Total and permanent loss of speech that renders the person covered without the capacity for speech beyond remedy by surgical or other treatment		50%
Shortening of leg by at least 5 cm		7.5%
Fractured leg and/or patella with established non-union		10%

For other permanent disablements not specified above, we will adopt a percentage (%) that is consistent with the above scale without reference to the person covered's occupation.

**Loss of finger**

If the person covered is left-handed the percentage (%) relating to the right arm or right hand shall apply to the left arm or left hand respectively and the percentages (%) relating to the left arm or left hand apply to the right arm or right hand respectively.

**Loss of limb**

Loss of person covered's hand or foot, at or above the wrist or ankle.

**Permanent loss of use**

Permanent total loss of use of member shall be treated as loss of member.

**Permanent total disablement**

A permanent and total disability which, having lasted for at least 12 months, will in all probability, entirely prevent the person covered from carrying out any paid work for the rest of his life.

**Total and permanent loss of sight**

Complete and permanent loss of sight and the condition is shown to our satisfaction to be permanent and without expectation of recovery.

## **Important notice to contract holder**

You are advised to read through this contract carefully and if it has not been issued in accordance with your intention, kindly return this contract to us for alteration immediately.

Please keep this contract in a safe place as reference will be made to this document in endorsements and renewals.

To make a claim, please call our Customer Careline at 1300-88-5055 for claims assistance.

At CIMB Aviva, we will make every effort to provide the highest level of service expected by all of our contract holders. If on any occasion our service falls below the standard of your expectation, the procedure detailed below explains what you can do:

- Your first point of contact should always be our Customer Careline at 1300-88-5055;
- Lodge an online enquiry via [www.cimbaviva.com](http://www.cimbaviva.com);
- E-mail to us directly at [wecare@cimbaviva.com](mailto:wecare@cimbaviva.com); or
- Fax to us at +603 2698 7035.

If you are still dissatisfied with our response, you may refer to the following independent bodies authorised to oversee public enquiries and complaints on takaful related matters:

### **Bank Negara Malaysia**

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)  
Jalan Dato' Onn  
P.O. Box 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel: (03) 2698 8044 ext 8950/8958  
Fax: (03) 2691 2990  
<http://www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm>

### **Financial Mediation Bureau**

Level 25  
Dataran Kewangan Darul Takaful  
4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel: (03) 2272 2811  
Fax: (03) 2274 5752  
<http://www.fmb.org.my>

**CIMB AVIVA**

**CIMB AVIVA TAKAFUL BERHAD**

**KONTRAK TAKAFUL**

**PA Direct**

## KANDUNGAN

<u>Nombor</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Mukasurat</u>
1	Pengenalan	2
2	Takrifan	3
3	Terma-terma kontrak takaful ini	4
4	Pengecualian	6
5	Peruntukan-peruntukan am	7
6	Jadual manfaat hilang upaya	9
7	Notis penting kepada pemegang kontrak	11

## **Pengenalan**

### **Objektif**

Kontrak takaful ini bertujuan untuk menyediakan perlindungan takaful yang selaras dengan prinsip-prinsip di bawah dan dikendalikan sejajar dengan terma-terma kontrak ini.

### **Prinsip-prinsip asas**

Kami telah menyusun kontrak ini dalam cara berikut:

- Pertama : kami adalah pihak pertama dan anda adalah pihak kedua untuk kontrak ini;
- Kedua : kami juga adalah pemegang amanah yang diamanahkan untuk menguruskan kontrak takaful ini selaras dengan shariah;
- Ketiga : kami akan mengutip sumbangan untuk tujuan menguruskan kontrak takaful ini; dan
- Keempat : anda dianggap telah bersetuju untuk membenarkan kami mengutip sumbangan untuk menguruskan kontrak takaful ini selaras dengan terma-terma kontrak ini.

Anda telah membuat cadangan dan perakuan kepada kami yang membentuk asas kontrak ini dan telah membayar sumbangan yang dinyatakan dalam jadual kontrak takaful untuk mendapatkan perlindungan takaful yang kami sediakan.



## **Takrifan**

Perkataan dan frasa berikut membawa maksud berikut di mana sahaja ia tertera di dalam kontrak ini.

### **Kecederaan anggota badan secara tidak sengaja**

Kecederaan anggota badan yang disebabkan hanya dan secara langsung oleh keganasan luaran dan tidak disengajakan yang caranya boleh dilihat dan kecederaannya dapat dibuktikan sebagai satu-satunya punca hilang upaya atau kematian orang yang dilindungi. Ini termasuk:

- keracunan makanan, gigitan serangga dan ular yang berbahaya
- terhidu gas, lemas dan kemalangan seumpamanya

### **Doktor**

Ahli pengamal perubatan berdaftar dengan profesion perubatan yang bukan orang yang dilindungi atau mempunyai sebarang hubungan dengan anda.

### **Hilang upaya separa**

Hilang upaya separa disebabkan oleh kecederaan anggota badan secara tidak sengaja, di dalam tempoh 20 hari selepas tarikh kemalangan, kecederaan tersebut menghalang orang yang dilindungi secara berterusan dan sepenuhnya daripada menjalankan sebahagian daripada perniagaan, profesion atau pekerjaan biasa beliau.

### **Orang yang dilindungi, beliau**

Orang yang dinamakan pada jadual kontrak takaful anda.

### **Hilang upaya menyeluruh**

Hilang upaya menyeluruh disebabkan oleh kecederaan anggota badan secara tidak sengaja jika dalam tempoh 20 hari selepas tarikh kemalangan, kecederaan tersebut menghalang orang yang dilindungi secara berterusan dan sepenuhnya daripada menjalankan sebarang perniagaan, profesion atau pekerjaan biasa beliau.

### **Kami, CIMB Aviva**

CIMB Aviva Takaful Berhad (kecuali dinyatakan sebaliknya pada mana-mana bahagian kontrak ini).

### **Anda, pemegang kontrak**

Orang (atau mereka) yang dinamakan pada jadual kontrak takaful anda.

## **Terma-terma kontrak takaful ini**

### **Maklumat penting**

Ini adalah kontrak takaful PA Direct anda. Kontrak ini dan jadual kontrak takaful anda membentuk kontrak takaful dan akan memberi maklumat lengkap mengenai apa yang dilindungi, apa yang tidak dilindungi dan peruntukan-peruntukan perlindungan. Sila bacanya dengan teliti dan simpan di tempat yang selamat. Jika kami telah mentakrifkan sesuatu perkataan atau pengungkapan, ia mempunyai maksud yang sama di seluruh kontrak ini kecuali kami telah menambah pengendorsan padanya.

Di sisi undang-undang, kita tidak akan menerima pemindahan kontrak takaful ini melainkan pemindahan itu didaftarkan oleh kami. Kami tidak bertanggungjawab ke atas kesahihan pemindahan jika anda memutuskan untuk memindahkan kontrak takaful ini.

Jika pada bila-bila masa semasa tempoh takaful yang dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful anda, atau semasa tempoh selanjutnya yang mana kami mungkin menerima sumbangan anda untuk memperbaharui kontrak ini, orang yang dilindungi telah mengalami kecederaan anggota badan secara tidak sengaja, kami akan membayar manfaat yang dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful anda, tertakluk kepada:

### **Manfaat tunai khairat kematian**

- Tambahan kepada manfaat kematian akibat kemalangan, kami juga akan membayar manfaat tunai khairat kematian jika orang yang dilindungi meninggal dunia akibat kemalangan.

### **Manfaat tunai penghantaran balik jenazah disebabkan kemalangan**

- Tambahan kepada manfaat kematian akibat kemalangan, kami juga akan membayar manfaat tunai penghantaran balik jenazah orang yang dilindungi jika beliau meninggal dunia akibat kemalangan semasa berada di luar tempat tinggal biasa.

### **Manfaat hilang upaya keseluruhan**

- Manfaat hilang upaya keseluruhan yang kami bayar setiap minggu tidak melebihi 80% daripada purata pendapatan mingguan orang yang dilindungi. Walau bagaimanapun, ini akan mengurangkan jumlah manfaat kematian dan hilang upaya akibat kemalangan.

### **Manfaat hilang upaya separa**

- Manfaat hilang upaya separa yang kami bayar setiap minggu adalah 40% daripada manfaat hilang upaya keseluruhan. Walau bagaimanapun, ini akan mengurangkan jumlah manfaat kematian dan hilang upaya akibat kemalangan.

### **Tempoh manfaat sementara**

- Jumlah maksimum pampasan yang akan kami bayar untuk manfaat hilang upaya keseluruhan dan manfaat hilang upaya separa sama ada secara berasingan atau bersama adalah selama 104 minggu untuk mana-mana satu kecederaan. Ia dikira dari tarikh orang yang dilindungi diperiksa buat pertama kali oleh doktor.

### **Jadual manfaat hilang upaya**

- Jumlah yang akan kami bayar untuk hilang upaya adalah seperti dinyatakan dalam jadual manfaat hilang upaya.

**Perbelanjaan perubatan kemalangan**

- Kami hanya akan membayar pampasan manfaat perbelanjaan perubatan kemalangan jika orang yang dilindungi menerima rawatan perubatan atau pembedahan daripada doktor di dalam tempoh dua tahun selepas tarikh kemalangan. Ia berkuatkuasa selagi perbelanjaan pertama dicaj dalam tempoh 26 minggu selepas tarikh kemalangan. Walau bagaimanapun, ini akan mengurangkan jumlah manfaat kematian dan hilang upaya akibat kemalangan.

**Manfaat tunai perubatan tradisional disebabkan kemalangan**

- Kami akan hanya membayar sehingga had yang dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful anda untuk rawatan dan rawatan tradisional oleh kiropraktor, pakar perubatan cina atau pengamal kesihatan tradisional yang disahkan dan didaftarkan secara rasmi. Walau bagaimanapun, ini akan mengurangkan jumlah manfaat kematian dan hilang upaya akibat kemalangan.

**Kehilangan**

- Jika orang yang dilindungi hilang dan jenazah beliau tidak ditemui di dalam masa satu tahun selepas beliau hilang, dan kami mempunyai bukti yang cukup untuk mempercayai bahawa beliau mengalami kecederaan anggota badan secara tidak sengaja yang telah menyebabkan kematiannya, kami akan membayar manfaat kematian di bawah jadual kontrak takaful ini dengan syarat orang yang menerima bayaran tersebut menandatangani perjanjian untuk mengembalikan jumlah tersebut kepada kami jika orang yang dilindungi kemudiannya ditemui masih hidup.

## Pengecualian

Kami tidak melindungi sebarang kerugian atau kecederaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh yang berikut:

1. Perang, rusuhan, revolusi atau peristiwa seumpamanya. Tindakan oleh mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti yang bertujuan untuk menjatuhkan mana-mana kerajaan atau mempengaruhinya dengan menggunakan kegunaan atau kekejaman. Ini termasuk sebarang tindakan untuk mengawal atau menghalang (atau terlibat di dalam apa cara sekalipun dengan) penganas atau kegunaan.
2. Penglibatan secara langsung atau aktif di dalam mogok, rusuhan atau kekacauan awam.
3. Gila, bunuh diri (semasa waras atau tidak waras) atau sebarang percubaan membunuh diri.
4. Bahan senjata nuklear, bahan terion atau pencemaran oleh radioaktif dari mana-mana bahanapi nuklear atau dari sebarang sisa nuklear akibat pembakaran bahanapi nuklear (termasuk pembelahan nuklear).
5. Orang yang dilindungi berada di dalam, di atas atau menaiki atau menuruni mana-mana kapal terbang selain daripada kapal terbang yang dilesenkan untuk membawa penumpang yang mana beliau adalah penumpang dan bukan anak kapal, dan bukan bertujuan untuk melakukan sebarang dagangan atau operasi teknikal.
6. Hamil, bersalin, keguguran, menggugurkan atau keadaan atau masalah fizikal sedia-ada.
7. Penyakit akibat parasit, jangkitan (kecuali jangkitan *pyogenic* yang berlaku melalui luka atau kecederaan yang tidak disengajakan) atau sebarang jenis penyakit.
8. Semasa bertugas atau berkhidmat di dalam mana-mana angkatan tentera atau kumpulan beruniform yang bersenjata.
9. Sewaktu mengambil bahagian atau berlatih di dalam aktiviti sukan atau santai yang tidak disenaraikan.
10. Orang yang dilindungi dipengaruhi atau terjejas (sementara atau sebaliknya) oleh alkohol atau dadah.
11. Sewaktu melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan jenayah.
12. Sebarang bentuk hernia.

## Aktiviti sukan dan santai

Sila ambil perhatian bahawa kontrak ini akan melindungi orang yang dilindungi secara automatik untuk semua aktiviti berikut jika beliau menyertainya atas dasar rekreasi dan bukan untuk sebarang bentuk perlumbaan, ujian kelajuan atau masa, atau sebagai seorang profesional:

Memanah (di bawah pengawasan), badminton, kriket pantai, bolasepak dan bola tampar, bowling, berkanu, berkayak dan merakit (gred 1 & 2 sahaja), menembak sasaran tanah liat (di bawah pengawasan), permainan curling (lencong ais), berbasikal (bukan basikal atau motosikal lasak, berbasikal gunung atau perlumbaan), lawan pedang (mesti memakai pakaian perlindungan), memancing (bukan memancing laut dalam), golf, menunggang/menaiki kuda (bukan memburu, melompat atau polo), belon udara panas (penumpang sahaja dan diuruskan oleh pengendali perjalanan), pendakian yang tidak memerlukan tali atau pemandu, luncur udara (atas air), menunggang kuda padi, racquetball, berkasut roda atau meluncur (mesti memakai pakaian perlindungan), raunders, mendayung (perairan pedalaman sahaja), safari (kamera sahaja dan diuruskan oleh pengendali perjalanan), bersnorkel, skuasy, berenang, ping pong, tenis, lompat trampolin, tarik tali, polo air.

## **Peruntukan-peruntukan am**

Perkara berikut berkuatkuasa untuk keseluruhan kontrak.

### **Kewajipan mematuhi**

- Anda mesti mematuhi semua peruntukan-peruntukan kontrak ini atau kami tidak akan membayar sebarang tuntutan.

### **Hak untuk meminda kontrak atau perlindungan**

- Tiada ejen berkuasa untuk mengubah kontrak takaful ini atau membuat keputusan untuk mengecualikan sebarang peruntukan di dalamnya kecuali ia diluluskan oleh salah seorang wakil kami yang diberi kuasa dan kami telah menambah pengendorsan kepada kontrak ini.
- Jika orang yang dilindungi mengalami kecederaan selepas bertukar pekerjaan kepada pekerjaan yang telah kami kelaskan sebagai lebih berbahaya berbanding yang dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful, atau ketika beliau melakukan sesuatu yang berkaitan dengan pekerjaan yang dikelaskan sebagai berbahaya, kecuali beliau melakukan urusan-urusan biasa di sekitar kediaman beliau atau ketika mengambil bahagian di dalam hobi atau sukan, kami hanya akan membayar sebahagian daripada nilai yang dilindungi sahaja yang selaras dengan perlindungan yang boleh diperolehi daripada sumbangan anda, tetapi tertakluk kepada had kami, untuk pekerjaan yang lebih berbahaya tersebut.
- Anda tidak memerlukan kebenaran benefisiari anda untuk menunaikan atau memindahkan kontrak ini, atau untuk menukar benefisiari, atau untuk sebarang perubahan di dalam kontrak ini kecuali benefisiari tersebut mempunyai hak kekal di bawah permohonan ini.

### **Fraud (Penipuan) atau salah nyataan**

- Semua jawapan di dalam perakuan mestilah dijawab dengan benar kerana ia membentuk asas takaful. Jika terdapat jawapan yang tidak benar atau jika anda gagal memberikan maklumat penting mengenai tabiat kesihatan atau pekerjaan orang yang dilindungi atau anda gagal memaklumkan kepada kami mengenai kemalangan yang boleh menyebabkan tuntutan dibuat, kontrak ini akan tamat.

### **Pembayaran sumbangan**

- Jika anda gagal untuk membayar sumbangan yang dipersetujui untuk kontrak takaful ini, kita mungkin bersetuju untuk mengembalikan semula kontrak ini, tetapi hanya untuk melindungi kerugian ekoran kecederaan akibat kemalangan yang dialami selepas masa ini.

### **Tuntutan**

- Anda perlu memberikan notis bertulis kepada kami mengenai kecederaan yang mana tuntutan dibuat, di dalam masa 20 hari selepas tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan tersebut. Jika kami tidak menerima sebarang notis di dalam tempoh yang kami tetapkan, ia tidak akan menjejaskan tuntutan sekiranya anda dapat menunjukkan bahawa keadaan anda tidak membolehkan anda memberikan notis tersebut dan bahawa anda telah memberikan notis tersebut sebaik sahaja anda mampu berbuat demikian. Jika anda meninggal dunia akibat kemalangan, wakil anda perlu memaklumkan kepada kami dengan segera.

- Apabila kami menerima notis anda, kami akan menghantar borang-borang yang berkaitan kepada anda atau wakil anda. Jika kami tidak menyediakan borang tersebut dalam masa 30 hari, anda perlu memberikan bukti bertulis kepada kami tentang kerugian, sifat dan takat kerugian tersebut di dalam tempoh masa seperti berikut:

Kehilangan masa disebabkan oleh hilang upaya keseluruhan atau separa	di dalam tempoh 90 hari selepas kami sepatutnya berhenti membayar perlindungan
Kerugian lain	di dalam masa 90 hari selepas tarikh kerugian

- Kami boleh memeriksa orang yang dilindungi sekerap yang kami mungkin perlukan semasa tuntutan dibuat. Kami juga berhak untuk menjalankan bedah siasat jika orang yang dilindungi meninggal dunia, selagi ia tidak ditegah oleh undang-undang.
- Kami akan membayar semua manfaat di dalam kontrak ini untuk kerugian, selain daripada akibat kehilangan masa kerana hilang upaya, sebaik sahaja kami menerima bukti.
- Kami akan membayar manfaat kepada anda, atau jika anda meninggal dunia kepada wakil anda yang sah, atau pihak menuntut yang wajar seperti tertera di jadual kontrak takaful.
- Jika anda menunjukkan bukti kehilangan masa akibat hilang upaya, kami akan membayar manfaat pada akhir setiap empat minggu selagi mana kami bertanggungjawab membayar tuntutan tersebut. Jika kami masih terhutang sebarang manfaat pada akhir tempoh tersebut, kami akan membayarnya dengan segera sebaik sahaja kami menerima bukti.
- Anda tidak boleh mengambil tindakan undang-undang berkaitan dengan kontrak ini sehingga 60 hari telah berlalu selepas anda menyerahkan bukti kerugian kepada kami. Anda perlu melakukannya di dalam tempoh dua tahun daripada had masa yang kami tetapkan untuk penyediaan bukti.

### **Pembatalan**

- Kami boleh membatalkan kontrak ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis kepada anda melalui surat berdaftar ke alamat terakhir anda yang terdapat di dalam rekod kami. Anda kemudiannya berhak untuk menerima sebahagian daripada sumbangan anda selaras dengan baki tempoh takaful belum luput. Jika kami membatalkan kontrak, ia tidak akan menjejaskan sebarang tuntutan yang timbul sebelum pembatalan tersebut dibuat. Anda juga boleh membatalkan kontrak dengan memberikan notis kepada kami, tetapi kami akan menyimpan sebahagian daripada sumbangan anda untuk tempoh kontrak yang telah berkuatkuasa.
- Jika pada bila-bila masa orang yang dilindungi bertukar pekerjaan kepada kelas kurang berbahaya di dalam senarai kami, anda boleh memohon untuk menunaikan kontrak takaful anda dan kami akan mengembalikan sebarang sumbangan yang belum digunakan.

### **Pembaharuan kontrak**

- Anda boleh memperbaharui kontrak ini di setiap akhir tempoh, selagi anda mendapat kebenaran daripada pihak kami. Kami akan memberikan kontrak pembaharuan kepada anda dan anda perlu membayar sumbangan yang ditentukan untuk pembaharuan tersebut.

### **Perkongasian lebihan**

- Jika pada akhir tempoh takaful yang dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful anda, terdapat lebihan di dalam dana takaful kami, anda berhak untuk berkongsi lima puluh peratus (50%) lebihan yang diperuntukkan untuk dibahagikan. Bagaimanapun, anda mestilah tidak pernah membuat sebarang tuntutan atau menerima sebarang bayaran tuntutan di bawah kontrak ini.

## Jadual manfaat hilang upaya

Manfaat	Peratusan (%) daripada manfaat hilang upaya yang dinyatakan dalam jadual kontrak takaful												
Kehilangan menyeluruh dan kekal dua anggota badan	100%												
Kehilangan menyeluruh dan kekal satu anggota badan	50%												
Kehilangan menyeluruh dan kekal kedua-dua tangan atau semua jari dan kedua-dua ibu jari	100%												
Kehilangan menyeluruh dan kekal penglihatan pada kedua-dua mata	100%												
Kehilangan menyeluruh dan kekal penglihatan pada satu mata	100%												
Kehilangan menyeluruh dan kekal pendengaran dan pertuturan	100%												
Lumpuh menyeluruh	100%												
Kecederaan menyebabkan kekal terlantar di katil	100%												
Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan hilang upaya menyeluruh dan kekal	100%												
Kehilangan menyeluruh dan kekal empat jari dan ibu jari	<table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 50%;">- tangan kanan</td> <td style="width: 50%; text-align: right;">70%</td> </tr> <tr> <td>- tangan kiri</td> <td style="text-align: right;">50%</td> </tr> </table>	- tangan kanan	70%	- tangan kiri	50%								
- tangan kanan	70%												
- tangan kiri	50%												
Kehilangan menyeluruh dan kekal empat jari	40%												
Kehilangan menyeluruh dan kekal satu ibu jari	<table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 50%;">- kedua-dua falanks kanan</td> <td style="width: 50%; text-align: right;">30%</td> </tr> <tr> <td>- satu falanks kanan</td> <td style="text-align: right;">15%</td> </tr> <tr> <td>- kedua-dua falanks kiri</td> <td style="text-align: right;">25%</td> </tr> <tr> <td>- satu falanks kiri</td> <td style="text-align: right;">10%</td> </tr> </table>	- kedua-dua falanks kanan	30%	- satu falanks kanan	15%	- kedua-dua falanks kiri	25%	- satu falanks kiri	10%				
- kedua-dua falanks kanan	30%												
- satu falanks kanan	15%												
- kedua-dua falanks kiri	25%												
- satu falanks kiri	10%												
Kehilangan menyeluruh dan kekal jari telunjuk	<table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 50%;">- tiga falanks</td> <td style="width: 50%; text-align: right;">10%</td> </tr> <tr> <td>- dua falanks</td> <td style="text-align: right;">8%</td> </tr> <tr> <td>- satu falanks</td> <td style="text-align: right;">5%</td> </tr> </table>	- tiga falanks	10%	- dua falanks	8%	- satu falanks	5%						
- tiga falanks	10%												
- dua falanks	8%												
- satu falanks	5%												
Kehilangan menyeluruh dan kekal jari tengah	<table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 50%;">- tiga falanks kanan</td> <td style="width: 50%; text-align: right;">10%</td> </tr> <tr> <td>- dua falanks kanan</td> <td style="text-align: right;">7.5%</td> </tr> <tr> <td>- satu falanks kanan</td> <td style="text-align: right;">5%</td> </tr> <tr> <td>- tiga falanks kiri</td> <td style="text-align: right;">7.5%</td> </tr> <tr> <td>- dua falanks kiri</td> <td style="text-align: right;">5%</td> </tr> <tr> <td>- satu falanks kiri</td> <td style="text-align: right;">2%</td> </tr> </table>	- tiga falanks kanan	10%	- dua falanks kanan	7.5%	- satu falanks kanan	5%	- tiga falanks kiri	7.5%	- dua falanks kiri	5%	- satu falanks kiri	2%
- tiga falanks kanan	10%												
- dua falanks kanan	7.5%												
- satu falanks kanan	5%												
- tiga falanks kiri	7.5%												
- dua falanks kiri	5%												
- satu falanks kiri	2%												
Kehilangan menyeluruh dan kekal jari manis	<table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 50%;">- tiga falanks kanan</td> <td style="width: 50%; text-align: right;">10%</td> </tr> <tr> <td>- dua falanks kanan</td> <td style="text-align: right;">7.5%</td> </tr> <tr> <td>- satu falanks kanan</td> <td style="text-align: right;">5%</td> </tr> <tr> <td>- tiga falanks kiri</td> <td style="text-align: right;">7.5%</td> </tr> <tr> <td>- dua falanks kiri</td> <td style="text-align: right;">5%</td> </tr> <tr> <td>- satu falanks kiri</td> <td style="text-align: right;">2%</td> </tr> </table>	- tiga falanks kanan	10%	- dua falanks kanan	7.5%	- satu falanks kanan	5%	- tiga falanks kiri	7.5%	- dua falanks kiri	5%	- satu falanks kiri	2%
- tiga falanks kanan	10%												
- dua falanks kanan	7.5%												
- satu falanks kanan	5%												
- tiga falanks kiri	7.5%												
- dua falanks kiri	5%												
- satu falanks kiri	2%												

Kehilangan menyeluruh dan kekal jari kelengkeng	- tiga falanks kanan	10%
	- dua falanks kanan	7.5%
	- satu falanks kanan	5%
	- tiga falanks kiri	7.5%
	- dua falanks kiri	5%
	- satu falanks kiri	2%
Kehilangan menyeluruh dan kekal metakarpal	- pertama atau kedua (tambahan)	3%
	- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
Kehilangan menyeluruh dan kekal jari kaki	- semua	15%
	- ibu jari, kedua-dua falanks	5%
	- ibu jari, satu falanks	3%
	- selain daripada ibu jari, jika kehilangan lebih daripada satu jari kaki, setiap satu	1%
Kehilangan menyeluruh dan kekal pendengaran yang bermaksud orang yang dilindungi tidak boleh mendengar walaupun beliau menjalani pembedahan atau rawatan lain	- kedua-dua telinga	75%
	- satu telinga	15%
Kehilangan menyeluruh dan kekal pertuturan yang bermaksud orang yang dilindungi tidak berupaya bertutur walaupun beliau menjalani pembedahan atau rawatan lain		50%
Pemendekan kaki sekurang-kurangnya 5 sm		7.5%
Patah kaki atau tempurung lutut yang terbukti tidak boleh disatukan kembali		10%

Untuk hilang upaya kekal yang tidak dinyatakan di atas, kami akan menerima pakai peratusan (%) yang selaras dengan skala di atas tanpa merujuk kepada pekerjaan orang yang dilindungi.

### **Kehilangan jari tangan**

Jika orang yang dilindungi kidal, peratusan (%) yang berkaitan dengan lengan kanan atau tangan kanan hendaklah digunakan kepada lengan kiri atau tangan kiri masing-masing dan peratusan (%) yang berhubungan dengan lengan kiri atau tangan kiri akan digunakan kepada lengan kanan atau tangan kanan masing-masing.

### **Kehilangan anggota badan**

Kehilangan tangan atau kaki, pada atau di atas paras pergelangan tangan atau buku lali.

### **Kehilangan kekal penggunaan**

Kehilangan kekal penggunaan anggota badan adalah dianggap sebagai kehilangan anggota badan.

### **Hilang upaya menyeluruh dan kekal**

Hilang upaya menyeluruh dan kekal yang berlanjutan selama sekurang-kurangnya 12 bulan yang di dalam semua kemungkinan menghalang sepenuhnya orang yang dilindungi daripada melakukan sebarang bentuk kerja berbayar sepanjang baki hidup beliau.

### **Kehilangan penglihatan secara menyeluruh dan kekal**

Kehilangan penglihatan secara menyeluruh dan kekal serta keadaan tersebut dibuktikan kepada kami dengan tiada jangkakan akan pulih.



## **Notis penting kepada pemegang kontrak**

Anda dinasihatkan agar membaca dengan teliti keseluruhan kontrak ini dan jika ia tidak diterbitkan selaras dengan tujuan anda, sila kembalikan kontrak ini kepada kami dengan segera untuk pindaan.

Sila simpan kontrak ini di tempat yang selamat kerana rujukan akan dibuat kepada dokumen ini untuk pengendorsan dan pembaharuan.

Untuk membuat tuntutan, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan Careline kami di 1300-88-5055 untuk bantuan tuntutan.

Di CIMB Aviva, kami akan melakukan segala usaha kami untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pemegang kontrak kami. Sekiranya perkhidmatan kami tidak memenuhi jangkaan anda, prosedur berikut menjelaskan tindakan yang boleh anda ambil:

- Hubungan pertama haruslah bermula dengan talian Khidmat Pelanggan Careline kami di 1300-88-5055;
- Kemukakan pertanyaan di dalam talian melalui [www.cimbaviva.com](http://www.cimbaviva.com);
- Emel terus kepada kami di [wecare@cimbaviva.com](mailto:wecare@cimbaviva.com); atau
- Faks kepada kami di +603 2698 7035.

Jika anda masih tidak berpuashati dengan jawapan kami, anda boleh merujuk kepada badan bebas yang diberikuasa berikut untuk menyelia pertanyaan dan aduan awam yang berkaitan dengan takaful:

### **Bank Negara Malaysia**

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)  
Jalan Dato' Onn  
Peti Surat 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel: (03) 2698 8044 ext 8950/8958  
Faks: (03) 2691 2990  
<http://www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm>

### **Biro Pengantaraan Kewangan**

Aras 25  
Dataran Kewangan Darul Takaful  
4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel: (03) 2272 2811  
Faks: (03) 2274 5752  
<http://www.fmb.org.my>